

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 16 Jun 2020 4:57 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PKPP: Masa Untuk #kitajagakita



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 JUN 2020 / 24 SYAWAL 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: H. Rasidah H. Rodzi

PKPP: MASA UNTUK #KITAJAGAKITA



UUM ONLINE: "Kita jaga diri kita, kita jaga keluarga kita, kita jaga komuniti kita dan kita jaga negara. Kalau bukan kita, siapa lagi," itu saranan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Pada 7 Jun lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermulanya 10 Jun sehingga 31 Ogos. Ini bermakna, lebih banyak sektor dibuka dan pergerakan orang ramai juga telah diberikan kelonggaran.

Bagaimanapun, kelonggaran yang diberikan tidak bererti masyarakat bebas ke sana ke sini tanpa perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan kerajaan.

Begitu juga di UUM, apabila semua staf dan pelajar yang masih berada di kampus diminta untuk terus mematuhi arahan yang diberikan dari semasa ke semasa.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa Bencana Universiti Bil.8, baru-baru ini yang dipengerusikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali turut membincangkan tentang arahan semasa sepanjang PKPP dilaksanakan khususnya melibatkan warga UUM.

Antara fokus mesyuarat tersebut ialah sistem penggiliran dan bekerja dari rumah (WFH) yang masih diteruskan mengikut keperluan, operasi perkhidmatan kafeteria dan lain-lain perniagaan, penguatkuasaan pengisian CODSA, saringan suhu badan di pintu utama masih diteruskan dan kemasukan pelajar ke kampus mengikut pekeliling berasingan yang dikeluarkan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP).

Warga UUM juga diingatkan sentiasa mematuhi SOP keselamatan dan kesihatan seperti mengamalkan penjarakan sosial, memakai pelitup muka dan membasuh tangan dengan air dan sabun, selain penggunaan hand sanitizer.

Selain itu, turut dibentangkan perkembangan semasa arahan kerajaan dalam tempoh PKPP dan laporan pemantauan pusat tanggungjawab terlibat.

Mesyuarat itu turut disertai Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti, Ketua PTJ, Pengetua Inapan Siswa (INASIS) dan Unit Pengurusan Risiko Universiti sebagai sekretariat yang diketuai Pengarahnya, Shahrul Nizam Ahmad.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.